**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 15 OKTOBER 2013 (SELASA)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Gempa Bumi Kuat Melanda Mindanao;Tiada Ancaman Tsunami Kepada Malaysia | Bernama.com |
| 2. | Cuaca Mendung Dan Hujan Renyai Tidak Halang Kemeriahan Aidiladha | Bernama.com |
| 3. | Rain Expected in Several States | The Star |
| 4. | Empat Negeri Diramal Hujan Pada Pagi Raya | Utusan Malaysia |

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 15 OKTOBER 2013 (SELASA)**

# Gempa Bumi Kuat Melanda Mindanao; Tiada Ancaman Tsunami Kepada Malaysia

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 7.2 pada skala Richter melanda Mindanao, Filipina pada 8.12 pagi ini.

Namun, menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataannya hari ini, gempa itu tidak membawa sebarang ancaman tsunami kepada Malaysia.

Pusat gempa bumi itu terletak kira-kira 31km di timur laut Tagbilaran City, Filipina dan 806km di timur laut Sandakan, Sabah.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 15 OKTOBER 2013 (SELASA)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Cuaca Mendung Dan Hujan Renyai Tidak Halang Kemeriahan Aidiladha

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Cuaca mendung dan hujan renyai di beberapa tempat di seluruh negara pada sebelah pagi hari ini tidak menghalang umat Islam untuk beramai-ramai menunaikan solat sunat Aidiladha sebelum melakukan ibadah korban.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah menyertai kira-kira 15,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negara di sini.

Selesai menunaikan solat, Seri Paduka berdua berkenan beramah mesra dengan jemaah yang tidak melepaskan peluang untuk bersalaman dengan baginda berdua sebaik selesai khutbah Aidiladha.

Di PUTRAJAYA, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Putra.

Turut sama menunaikan solat sunat Aidiladha di masjid itu ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Mereka bersama lebih 5,000 jemaah menunaikan solat sunat Aidiladha yang diimamkan oleh Imam Besar Masjid Putra Abdul Manaf Mat.

Majlis korban Perdana Putrajaya diadakan dengan 46 ekor lembu dikorbankan sebelum daging korban diagihkan Menteri Wilayah Persekutuan yang juga Anggota Parlimen Putrajaya Datuk Seri Adnan Tengku Mansor kepada warga Putrajaya.

Di SHAH ALAM, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri bersama kira-kira 10,000 anggota jemaah termasuk Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Sebanyak 39 ekor lembu dikorbankan di perkarangan masjid negeri itu termasuk dua ekor sumbangan Sultan Selangor.

Di PERLIS, hujan di beberapa kawasan pada sebelah pagi di negeri itu tidak menghalang penduduknya menunaikan solat sunat Aidiladha.

Kerajaan negeri Perlis menyumbang 140 ekor lembu sempena Aidiladha tahun ini kepada wakil-wakil penduduk, jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk korban.

Di PULAU PINANG, hujan lebat tidak menghalang kira-kira 1,000 jemaah untuk menunaikan solat sunat Aidiladha bersama Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri Toh Puan Majimor Shariff di Masjid Negeri dengan diimamkan oleh Timbalan Imam Besar, Sya'bani Awang.

Khutbah disampaikan Imam Besar Sallahuddin Ghazali.

Menurut ramalan **Jabatan Meteorologi Malaysia** semalam, hujan diramal berlaku di Kedah, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor pada pagi Aidiladha manakala Perak, Perlis, Putrajaya dan Kuala Lumpur pula diramalkan mendung.

Di KEDAH, Anggota Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah menyertai ribuan umat Islam termasuk Menteri Besar Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir, Alor Setar.

Hujan dilaporkan berlaku di beberapa tempat pada sebelah pagi di negeri itu.

Di TAWAU, Sabah pula majlis korban Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau terpaksa ditangguhkan sehingga esok berikutan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

Ketua Polis Daerah Tawau ACP Awang Besar Dullah ketika dihubungi Bernama berkata upacara korban sepatutnya dilaksanakan selepas solat sunat Aidiladha di perkarangan IPD secara bergotong-royong tetapi ditangguh kerana hujan lebat.

Di TERENGGANU, Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said menyertai kira-kira 2,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Kuala Terengganu.

Cuaca cerah melancarkan majlis-majlis korban yang berlangsung di negeri itu.

Pengarah Jabatan Veterinar Negeri Terengganu Dr Marzuki Zakaria menasihatkan orang ramai yang hendak melakukan ibadah korban supaya menjaga kebersihan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelak wabak penyakit kuku dan mulut.

Di KELANTAN, Sultan Kelantan Sultan Muhammad V menunaikan solat sunat Aidiladha bersama umat Islam di Masjid Muhammadi di Kota Baharu. Turut sama berangkat Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faiz Petra.

Turut sama menunaikan solat di masjid itu ialah Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Cuaca di negeri itu dilaporkan cerah dan memudahkan umat Islam melaksanakan ibadah korban.

Di JOHOR, Sultan Johor Sultan Ibrahim menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Pasir Pelangi, Johor Baharu yang turut disertai anakanda-anakanda baginda.

Turut sama menunaikan solat Aidiladha di masjid itu Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Di PERAK, Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah menunaikan solat sunat Aidiladha bersama lebih 2,000 jemaah di Masjid Sultan Azlan Shah di Jalan Raja Muda Musa, Ipoh.

Baginda diiringi Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Tahun ini sebanyak 341 ternakan korban bernilai RM1.02 juta disumbangkan pelbagai agensi dan badan berkanun di Perak untuk program tahunan Korban Perdana untuk diagihkan kepada setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).